



PERSONALITI

'Budak nakal' cemerlang kerana disiplin karate



Oleh Sarah Aina Shawal
bsarah.aina@bh.com.my
Kuala Lumpur

(UPM) itu turut merekod prestasi cemerlang dalam akademik dengan memperoleh keputusan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.7 pada semester lalu.

Kecederaan serius
Anak kedua daripada empat beradik itu mengakui pada mulanya tidak meminati karate kerana lebih cenderung kepada olahraga, namun semakin tertarik menguasai sukan lasak berkenaan atas galakan dan tunjuk ajar berterusan daripada tenaga pengajar, sehingga meraih tali pinggang hitam ketika berumur 12 tahun di bawah bimbingan jurulatih, Arivalagan Ponniah.

"Ketika berumur lima tahun, saya seorang anak yang nakal, justeru ibu bapa mengambil keputusan menghantar kami untuk mendisiplinkan kami.

"Saya menyertai pelbagai pertandingan karate sejak berada di bangku sekolah, terutama setelah diterima memasuki pasukan kebang-

saan. Antaranya Pertandingan Senior Nasional selama lima tahun berturut-turut, Karnival Sukan Pantai Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Kejohanan Karate Asia (Junior), Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dan Pertandingan Terbuka Hong Kong 2009," katanya.

Walaupun pernah menanggung kesakitan akibat kecederaan serius selama empat bulan ketika menjalani sesi latihan pada 2010, semangat Yokananthini yang juga lepasan Sekolah Sukan Bukit Jalil, terus membara untuk aktif dalam bidang karate.

Bijak bahagikan masa
Tambahan pula, beliau



PROFIL

Yokananthini Murugeesan

Umur: 25 tahun

Tarikh lahir: 29 Mac 1989

Asal: Selangor

Pendidikan: Pelajar program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media (Penyiaran) UPM

Pencapaian dalam sukan karate:

- Pertandingan Senior Nasional 2009 - pingat perak
- Pertandingan Senior Nasional 2010 - pingat perak
- Pertandingan Senior Nasional 2011 - pingat perak
- Pertandingan Senior Nasional 2012 - pingat perak
- Pertandingan Senior Nasional 2013 - pingat perak
- MASUM 2012 - pingat emas
- MASUM 2013 - pingat emas
- SUKIPT 2012 - pingat emas kategori individu dan berkumpulan
- SUKMA 2010 (Melaka) - pingat emas
- Pertandingan Terbuka Hong Kong 2009 - pingat gangsa

berkata, seisi keluarganya meminati dan berpengalaman dalam arena seni pertahanan diri, malah ibunya turut bergiat cergas dalam sukan tae kwon do ketika remaja.

Mengenai persepsi sege-lintir masyarakat bahawa pelajar yang aktif bersukan akan menghadapi masalah dalam pencapaian akademik pula, katanya, perkara itu tidak berbangkit jika

pembahagian masa seimbang dilakukan dengan baik.

"Sekiranya pandai membahagikan masa dan membuat jadual waktu sistematis, tidak menjadi masalah untuk cemerlang dalam kedua-dua bidang akademik dan sukan," katanya yang berhasrat membuka pusat karate sendiri pada masa depan.